

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan teori gelagat terancang yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991) bagi memahami niat dan gelagat kepatuhan zakat perniagaan di kalangan peniaga. Faktor-faktor asas teori gelagat terancang seperti sikap, norma subjektif, kawalan gelagat ditanggap, niat dan gelagat diaplikasikan dalam kajian ini. Analisis regresi berbilang (*multiple regression analysis*) digunakan bagi menguji model niat dan gelagat kepatuhan zakat perniagaan. Keputusan kajian ke atas 108 peniaga sekitar negeri Perlis menunjukkan bahawa model kajian ini adalah konsisten dengan saranan teori gelagat terancang. Faktor niat dan kawalan gelagat ditanggap didapati mempunyai hubungan signifikan dengan gelagat kepatuhan zakat perniagaan ($R = 0.35$). Niat gelagat kepatuhan pula dipengaruhi oleh sikap terhadap zakat perniagaan, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap ($R = 0.46$). Faktor sikap merupakan faktor penentu utama niat gelagat dan diikuti dengan kawalan gelagat ditanggap serta norma subjektif. Implikasi terhadap teori dan juga kepada pembuat dasar turut dibincangkan.

Kata Kunci: Sikap, Norma Subjektif, Kawalan Gelagat Ditanggap, Niat, Gelagat, Zakat Perniagaan.